Ukuran dan kapasiti daripada penginapan di taman negara sangatlah dihadkan, berbanding dengan kawasan lain sehingganya fasiliti penginapan disini tidak memungkinkan untuk menampung pelancong dalam jumlah yang banyak (Anderson, 1992).

- Keadaan alam persekitaran sangatlah berpengaruh terhadap pemilihan konsep, piawaian dan ciri bangunan di kawasan lindungan

Fasiliti dan kemudahan pada kawasan lindungan harus mencerminkan adanya pengaruh yang kuat dari alam persekitarannya (Ceballos-Lascuráin, 1996). Manakala pembangunan di kawasan pantai lebih mengutamakan pemeliharaan dan pengekalan ruang terbuka serta lebih mengutamakan pemandangan (*view*) bangunan ke arah pantai (Schwanke, 1997).

- Pembangunan pelbagai kemudahan dan fasiliti penginapan di dalam kawasan lindungan mempunyai prinsip-prinsip dan piawaian tersendiri.

Secara amnya, penyediaan fasiliti penginapan untuk pelancong di dalam kawasan hutan lindungan (*forest protected area*) sangatlah berbeza dengan penyediaan fasiliti penginapan di kawasan pelancongan lainnya.

Berikut adalah pertanyaan penyelidikan kajian ini :

- Apakah Malaysia telah memiliki piawaian untuk pembangunan fasiliti dan kemudahan di dalam kawasan lindungan?
- Sekiranya telah memiliki piawaian, apakah piawaian tersebut telahpun diamalkan dan dilaksanakan dalam pembangunan fasiliti penginapan di kawasan lindungan di Malaysia?

- Apakah pembangunan fasiliti penginapan yang selama ini dilaksanakan di Malaysia telah dapat memberikan kemapanan dan keberkesanan ditinjau dari segi kesepaduan bangunan dengan alam persekitarannya?

1.4 Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat kajian adalah untuk membentuk prinsip dan piawaian yang lebih bersesuaian bagi pembangunan fasiliti penginapan di kawasan lindungan, supaya pembangunan yang dilakukan pada masa hadapan lebih memberikan kemapanan dan berkesan jika dilihat dari segi kesepaduan bangunan dengan alam persekitarannya.

Objektif kajian ini adalah :

- Melihat serta memaparkan bagaimana pelaksanaan pembangunan fasiliti penginapan dalam kawasan lindungan di Malaysia
- Menilai pengamalan daripada prinsip dan piawaian yang sediaada pada pelaksanaan pembangunan fasiliti penginapan dalam kawasan lindungan di Malaysia
- Mencadangkan prinsip dan piawaian bagi pembangunan fasiliti penginapan dalam kawasan lindungan di Malaysia

1.5 Skop Kajian

Kajian dihadkan dengan hanya mengkaji keberkesanan pelaksanaan piawaian pembangunan kemudahan penginapan di kawasan lindungan yang berada di daratan (*forest protected area*) tidak termasuk kawasan lindungan di pulau (*marine protected area*). Definisi dan aspek kajian merangkumi :

- Definisi dan kriteria kawasan yang termasuk dalam kawasan lindungan yang berada di daratan (*forest protected area*) dalam kajian ini telah merujuk pada definisi dan kriteria yang dikeluarkan oleh IUCN.
- Kajian juga dihadkan kepada mengkaji keberkesanan piawaian fasiliti penginapan sahaja, sedangkan pembangunan infrastruktur seperti jalan, jeti dan sebagainya tidak termasuk dalam kajian ini.
- Analisis di kawasan ini meliputi perancangan tapak dan analisis terhadap fasiliti penginapan berdasarkan kepada beberapa kriteria penilaian.
- Pembahagian dan penilaian kriteria berasaskan kepada teori-teori dan piawaian pembangunan dalam kawasan lindungan yang disarankan oleh IUCN.


1.6 Kawasan Kajian

Kawasan kajian meliputi tiga taman negara yang berada di semenanjung Malaysia iaitu : Taman Negeri Perlis yang dibuka pada tahun 1999 dengan luas kawasan 5000 hektar, Taman Negara Endau-Rompin dengan luas kawasan 48,908 hektar dan dibuka tahun 1993, serta Taman Negara Pahang yang ditumbuhkan tahun

1939 dengan luas kawasan 434,351 hektar. Pemilihan terhadap ketiga-tiga kawasan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor :

- Ketiga-tiga kawasan ini telah memenuhi kriteria sebagai kawasan lindungan, merujuk kepada kriteria yang dikeluarkan oleh IUCN.
- Bertepatan dengan penyelidikan yang memerlukan suatu kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan lindungan dan kemajuan dalam penyediaan kemudahan penginapan untuk pelancong di Taman Negara.
- Ketiga-tiga kawasan ini dapat memberikan gambaran bagaimana pelaksanaan pembangunan fasiliti penginapan di kawasan lindungan dilaksanakan di Malaysia, kerana ianya merupakan model pembangunan yang dilakukan oleh agensi swasta dan agensi kerajaan.

Gambar 1.1 Peta Kawasan Kajian



Sumber : www.wildlife.gov.my

1.7 Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan adalah kaedah yang lebih khusus dan sesuai untuk digunakan bagi menjalankan suatu kajian. Penggunaan kaedah yang sesuai akan dapat meningkatkan kualiti suatu penyelidikan, dan untuk menjalankan kajian, pengkaji mestilah menggunakan metod yang bersesuaian dengan kajiannya (Bailey 1984).

Dengan merujuk hal diatas dan kesesuai dengan kajian, maka metodologi yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah kaedah pendekatan *kualitatif* dan *kuantitatif* dengan tujuan menghasilkan kajian yang lebih mendalam dan terperinci. Manakala pada tahap analisis data pengkaji menggunakan kaedah *penilaian matrik*. Pembahasan dan pemakaian kaedah berkenaan pada kajian akan dihuraikan secara terperinci pada bab III.

1.8 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian ini berisikan tentang rangka kerja pengkaji yang dibahagikan pada empat bahagian, iaitu :

- Peringkat pertama : Penyusunan rangka kerja dan kajian literatur
- Peringkat kedua : Pengumpulan data-data
- Peringkat ketiga : Analisis data dan penemuan kajian
- Peringkat keempat : Kesimpulan dan cadangan Kajian

1.8.1 Peringkat Pertama

Pada peringkat ini, penyelidikan menjurus kepada mengenal pasti tentang kajian yang akan dijalankan, baik mengenai isu-isu dan masalah semasa yang timbul. Kajian literatur juga telah dilakukan pada peringkat ini untuk menyokong permasalahan yang ada bagi mengaitkan dengan penyelidikan yang hendak dilakukan.

Setelah pernyataan masalah dikemukakan, barulah pengkaji merangka dan memahami tujuan, serta menentukan matlamat dan objektif kajian. Matlamat dan objektif yang dibentuk bagi memperjelaskan tentang apa yang ingin dicapai diakhir kajian serta langkah-langkah untuk mencapainya. Penetapan penggunaan metodologi yang sesuai dalam menjalankan kajian juga ditetapkan untuk membantu penyelidik dalam menjalankan kajiannya.

Pada peringkat ini juga akan dilakukan kajian terhadap literatur atau teori-teori yang ada hubungkaitnya dengan kajian yang dijalankan. Sumber-sumber rujukan dapat diambil dari buku-buku, jurnal-jurnal mahupun kajian yang pernah dilakukan. Ini merupakan peringkat penting dalam penyelidikan kerana dari sinilah pengkaji mendapatkan gambaran jelas tentang teori-teori yang digunapakai untuk memahami keseluruhan dan sebagai panduan utama dalam menjalankan kajian ini. Dibahagian ini pengkaji memahami dengan jelas terhadap konsep-konsep sedia ada terhadap apa yang dikaji, seterusnya ia akan membantu pengkaji dalam memperbaiki, mengembangkan dan menghasilkan sesuatu yang baru dalam bidang ilmu yang dikaji.

1.8.2 Peringkat Kedua

Pada peringkat kajian lapangan penyelidik berada langsung di kawasan kajian untuk mengumpulkan data-data primer. Disamping itu, inventori, pengamatan dan pemerhatian terhadap keadaan semasa kawasan kajian dilakukan untuk mengenalpasti potensi dan halangan semasa dalam melaksanakan penyelidikan.

Selain itu, bagi mengukuhkan data-data primer, maklumat sekunder juga diperlukan seperti data-data yang terlibat perlu diperolehi dan mengemaskini data sediaada melalui jabatan-jabatan yang berkaitan langsung dengan kajian, seperti Jabatan Perhilitan, Jabatan Kerja Raya dan Penguat Kuasa Taman Negara. Ini termasuk maklumat dasar seperti, undang-undang dan polisi yang dikeluarkan oleh kerajaan dan jabatan yang berkaitan. Data-data ini akan digunakan untuk analisis di peringkat selanjutnya.


1.8.3 Peringkat Ketiga

Pada peringkat ini, semua data-data yang ada baik data sekunder mahupun data primer akan dianalisis dengan menggunakan teknik dan kaedah-kaedah yang telah ditentukan. Perbandingan antara data-data yang dianalisis menggunakan *kaedah penilaian matrik* dan teori yang berkaitan akan menghasilkan suatu rumusan adakah piawaian pembangunan fasiliti penginapan dalam kawasan lindungan memberi keberkesanan dan keamanan ataupun sebaliknya. Peringkat ini paling kritikal dalam menghasilkan suatu penemuan dan rumusan yang dapat mencapai matlamat dan objektif kajian.

1.8.4 Peringkat Keempat

Peringkat terakhir daripada penyelidikan ini adalah merupakan kesimpulan terhadap penyelidikan yang telah dilakukan dari pernyataan masalah kajian hinggalah kepada penemuan dan rumusan kajian. Setelah penemuan kajian diperolehi, maka kesimpulan yang dibuat perlulah diselaraskan dengan matlamat dan objektif kajian yang telah disasarkan pada peringkat pertama kajian ini. Selain itu, termasuklah membincangkan tentang konsep yang telah ada dengan penyesuaian kawasan kajian ataupun cadangan strategi dan polisi yang lebih berkesan dan praktikal serta cadangan daripada penyelidik. Rajah 1.1 akan memperjelas lagi bagaimana pengkaji melakukan pendekatan dan menjalankan kajian ini.

Rajah 1.1: Carta Aliran Pendekatan Kajian



1.9 Penulisan Sistematis

Dalam penulisannya, kajian ini terdiri daripada tujuh bab dengan perinciannya seperti berikut :

- Bab I : Memberikan gambaran tentang latar belakang, matlamat, objektif, skop kajian dan kawasan dimana kajian ini dijalankan. Disamping itu ianya juga memaparkan tentang metodologi dan langkah kerja pengkaji dalam menjalankan kajian ini.
- Bab II : Menghuraikan tentang rujukan bertulis dan teori-teori yang berkaitan dengan kajian. Sumber-sumber rujukan diambil dari buku-buku, jurnal-jurnal mahupun kajian terdahulu untuk dijadikan asas dan acuan bagi pengkaji dalam menjalankan kajiannya.
- Bab III : Metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian dan penggunaanya semasa menjalankan kajian akan dihuraikan secara terperinci dan mendalam pada bab ini. Adapun kaedah-kaedah berkenaan adalah : kaedah kualitatif, kuantitatif dan kaedah penilaian matrik.
- Bab IV : Menceritakan mengenai data skunder, yang diperoleh pengkaji melalui temubual, dokumen-dokumen, kertas-kertas kajian, website, dan perbagai sumber lainnya. Diantaranya data-data tersebut adalah : dasar-dasar, piawaian, dan prinsip pembangunan dalam kawasan lindungan di Malaysia serta peranan daripada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhilitan, Jabatan Perhutanan, dan Kementerian Pelancongan dalam pembangunan berkenaan.
- Bab V : Kandungan daripada bab ini adalah pemaparan daripada data-data primer/kajian kes, dimana data-data berkenaan meliputi proses perancangan dan pelaksanaan pembangunan serta fasiliti penginapan yang sediaada di kawasan kajian yang meliputi : Taman Negara Pahang,

Taman Negara Endau-Rompin dan Taman Negeri Perlis. Data-data ini diperolehi melalui kajian lapangan yang dilakukan oleh pengkaji.

- Bab VI : Analisis yang dilakukan pengkaji terhadap data-data yang diperolehi akan dipaparkan pada bab ini. Pada bahagian inilah pengkaji akan menjalankan kaidah *penilaian matrik* untuk mendapati temuan kajian.
- Bab VII : Bab ini merupakan bab penutup yang menghuraikan temuan kajian dan cadangan daripada pengkaji. Hal ini merupakan hasil dan kesimpulan keseluruhan daripada kajian yang telah dijalankan.

1.10 Rumusan

Penyelidikan yang akan dijalankan adalah berupa kajian yang akan melihat sejauh mana kemapanan dan keberkesanan piawaian pembangunan fasiliti penginapan dalam kawasan lindungan telah dilakukan di Malaysia. Diharapkan diakhir kajian ini akan mencapai matlamat dan objektif yang telah disasarkan. Ini adalah penting untuk bersiap sedia membantu pihak berkuasa ataupun pihak-pihak yang berkaitan dalam pembangunan kemudahan penginapan di kawasan lindungan sesuai dengan keadaan alam persekitaran, sehingga pembangunan yang dilakukan pada masa hadapan dapat memberikan keberkesanan dan kemapanan dari segi kesepaduan bangunan dengan alam persekitarannya.

Senarai Rujukan

- Achille, M. (2000). Pugh Method or Decision-Matrix Method. *Evaluation Matrix*. Vol 112 (9). 24-32.
- Adams, C. (1995). Holistic Site Design. Paper presented at seminar, *Ecologie Planning and Sustainable Design*, 10-12 July, St. John, U.S. Virgin Island : IEE, 67-78.
- Amsari, F (1981). Prinsip-prinsip Masalah Pencemaran Lingkungan. 2th ed. Jakarta : Air Langga.
- Anderson, B. (1992). *Solar Building Architecture*. Cambridge, Mass : The MIT Pr.
- Anink, D & Boonstra, C. (1996). *Handbook of Sustainable Building*. London : James & James.
- Alexander, C. (1979). *The Timeless Way of Building*. 11th ed. New York : Oxford University Press.
- Arwed, T. (1992). *Ecologis Planning*. Braunschweig, Wiesbaden : Fried, Vieweg & sohn.
- Bailey, K D.(1978). *Methods of Social Research*. New York : Free pr.
- Baud, B., Manuel and Lawson, F. (1998). *Tourism and Recreation Handbook of Planning and Design*. Boston U.S, Architectural Press.

- Beamiss (1987). *Basic Design in Architecture*. Zurich : ETH-GTA.
- Beda, G. and Szekeres, A. (1992). Thoughts on The Cherry Tree. In: Fischer, H. 2th ed. *Arsitektur dan Lingkungan*, Yogyakarta : Yayasan Karnisiu, 48-50.
- Bertha (1991). Design of Building. In : Arwed, T. ed. *Ecologis Planning*. Braunschweig, Wiesbaden : Fried, Vieweg & sohn.137-141
- Blangy and Wood (1992). Tourism and Ecotourism. In: Butler, W. R, and Boyd, W. S. ed: *Tourism and National Park : Issues and Implikations*, England : Johs Wiley & Sons . LTD.102-109
- Bodlender, J. (1991). *Developing Tourism Destinations : Policies and Perspective Essex*. England : Longman.
- Brayman (1989). *Quantity and Quality in Social Research*. London : Unwin Hyiman.
- Bruce, (1990). *Techniques for Low-cost Help Building*. New York : New American library.
- Burgess, R. A. (1982). *Construction Projects : Their Financial Policy and Control*. London : Construction Pr.
- Butler, W. R, and Boyd, W. S, (2000) . *Tourism and National Park : Issues and Implikations*, England : Johs Wiley & Sons . LTD.
- Camgeni, K. (1986). Baukonstruktionslerhe. In: Frick, H. and Pujo, L. ed: *Ilmu Kontruksi Perlengkapan dan Utilitas Bagunan*. Yogyakarta : Yayasan Karnisius.131-136.
- Ceballos-Lascurain, H, (1996). *Tourism, Ecotourism, and Protected Areas : Switzerland* : IUCN.

- Chatani, M, Yagi, K, Mori, K, and Yamuguchi, H. (1981). Indonesia Sulawesi shima Sadan Toraja no shūroku to jūkyo no keitai. *Analyses of Toraja Settlements and Housing in Sulawesi island, Indonesia*. Tokyo : Housing Architecture Research Institute.
- Clamp, H. (1982). *Spon` Landscape Contract Handbook : 2nd ed* : New York : E & FN SPON.
- Creswell, J. W. (1994). *Research Design : Qualitative and Quantitative Approaches*. London : Sage Publications.
- Cresswell, J. W. (2003). *Research Design : Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 2th ed. London : Sage Publications.
- Curtis, and William, J. R. (1982). *Modern Architecture since*. News Jersey : Printice Hall, Incorporated.
- Dickson and David. (1978). *Alternative Technologie*. In: Direktorat Perumahan. ed: *Rumah Sehat dalam Lingkungan Sehat*. Jakarta : Air Langga. 170-172.
- Dinas Pariwisata Indonesia, (2001). *Panduan Mengenai Tempat-tempat Wisata Alam di Indonesia*. Jakarta : Gramedia.
- Doczi, G. (1994). *The Power of Limits. Proportional Harmonies in Nature, Art, and Architecture*. Boston, London : Shambala,
- Dorward, M. (1990). *Housing, architecture and iconography*. In: Frick, H ed: *Membangun dan Menghuni Rumah Dilereng. Seri Pengetahuan Lingkungan-Manusia-Bangunan 2*. Yogyakarta : Kanisius. 52-54.
- Edington, G. (1986). *Recreation and Accommodations. Concept and Design*. New York : New American library.

- Egenter, N. (1992). *The Present Relevance of the Primitive in Architecture. Architectural Anthropology*. Lausanne : Structura Mundi.
- Ernst, N. (1990). *Architects` Data I*. 2th ed. Braunschweig : Friedr, Vieweg & Sohn Verlagsgesellschaft mbH.
- Ernst, N. (1996). *Architects` Data II*. 2th ed. Braunschweig : Friedr, Vieweg & Sohn Verlagsgesellschaft mbH.
- Festinger, L. and Katz, D. (1953) . *Research Methods In The Behavioural Sciences*. Holt. London : Rinehart and Winston.
- Fischer, H. (1991). *Arsitektur dan Lingkungan*. 2th ed. Yogyakarta : Kanisius.
- Frick, H. and Suskiyatmo, B. (1998) *Dasar-dasar Eco-arsitektur I*. Yogyakarta : Karnisius.
- Frick , H. (1998). *Seri II Arsitektur dan Lingkungan*. Yogyakarta : Karnisius.
- Frick, H. dan Purwanto, LMF. (1998). *Sistem Bentuk Struktur Bangunan. Dasar-Dasar Konstruksi Dalam Arsitektur*. Yogyakarta : Karnisius.
- Frick, H. and Koesmartadi Ch. (1999). *Ilmu Bahan Bangunan, Eksploitasi, Pembuatan, Penggunaan dan Pembuangan*. Yogyakarta : Karnisius.
- Frick, H. and Pujo, L. (2002). *Ilmu Kontruksi Perlengkapan dan Utilitas Bagunan*. Yogyakarta : Karnisius.
- Frick, H. (2003). *Membangun dan Menghuni Rumah Dilereng. Seri Pengetahuan Lingkungan-Manusia-Bangunan 2*. Yogyakarta : Kanisius.
- Fitestone, J. (1987). *Research Methods*. London : Sage Publications

- Glesne, H. (1999). Qualitative and Quantitative Methods. In: Cresswell, J. W. ed. Research Design : *Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 2th ed. London : Sage Publications. 69-75.
- Graw-hill, M. (2000). Resort Design : *Planning, Architecture, and Interiors* : New York U.S.A. Division of the McGraw-hill companies.
- Gunn, C. A. (1978). Tourism Planning : *Basics, Concepts, and Cases*. London : Taylor & Francis, publishers since.
- Gunn, C. A. (1997) . Vacationscape: *Developing Tourist Areas*”. 3th ed. London : Taylor & Francis, Publisher.
- Healy, L. (1992).Housing Planning. In. Pearson and David, G. T. ed. *The Natural House Book*. London : Gaia Books. 13-16.
- Hammer, S. (1990). The Dilemma of Qualitative Method. London : Herbert blumer and the chichago tradition.
- Hall, C. M. (2000) : Tourism Planning : *Policies, Processes and Relationships*. London : Pearson Education Limeted.
- Herliczek. (1996). Where Is EcoTourism Going. *the amicus journal*. vol 181 (1) : 31-34.
- Hughes and North. (1972). The Old Cottage Of Snowdonia . London : Gaia Book.
- Inskeep, E. (1991) . National and Regional Tourism Planning. U.S.A : Van nostrand reinhold.
- Inskeep, E. (1994) . National And Regional Tourism Planning : *Methodologies And Case Studies*. U.S.A : Van nostrand reinhold.

- Taylor, J., Steven, and Bogdan, R. (1998). *Quantitative Research Methods: A Guide Book and Resoursrce*. London : john wiley & sons, Inc.
- JKR (1998) : Laporan Cadangan Untuk Menyiapkan dan Membina Projek Pengembangan Konservasi Hidupan Liar dan Kesadaran Awam di Kuala Atok Pahang, Jilid I. document kontrak. Unpublished Report.
- Krusche, P. (1982). *Ecologis Buillding*. Wiesbaden, Berlin: Bauverlag.
- Kutay, F. (1989). National park . In: Ceballos-Lascurain, H, ed. *Tourism, Ecotourism, and Protected Areas* : Switzerland : IUCN.43-47
- Lawson, F. R. (1992). *Hotel and Resort Planning*. Oxford : Architectural Press.
- Lawson, F. R. (1995). *Hotel and Resort : Planning, Design and Refurbishment*. Oxford : Architectural Press.
- Lee, T. (1976) . *Psychology and The Environment* . London : Methuen.
- Leverthold and Howart, J. (1984). *Building and Landcape*. München : Callwey
- Lippsmiler, G. (1997). *Bangunan Tropis*. 2th ed : Jakarta. Air langga.
- Lynch, K. (1984). *Cottage and Resort. Planning and Design*. New York : Oxpord University press
- Malaysian National Ecotourism Plan (1996) *Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Malaysia. Ringkasan Eksekutif*. Petaling Jaya : WWF Malaysia
- Malaysian National Ecotourism Plan (1996). Petaling Jaya : WWF Malaysia.
- Mangunwijaya, (1988). *Pengantar Fisika Bangunan*. 3th ed. Jakarta : Djambatan 1988.

- Marsal, C., and Robinson, G. B. (2001) *Desingning Qualitatif Research*. Newbury Park London and Newdehli, Sage Publications.
- Marson, J. (1996). Quantitative Methods. In: Taylor, J., Steven, and Bogdan, R. ed. *Quantitative Research Methods: A Guide Book and Resourrce*. London : john wiley & sons, Inc.85-88.
- Martin, S. C. (1998). The Evaluation Matrix .*Business Solutions, The Positive Way All rights reserved*. vol 161 (2). 21-39.
- Mathieson, A. and Geoffery, W. (1991). *Pelancongan : Impak Ekonomi, Fisikal dan Sosial* . Kuala lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementrian Pendidikan Malaysia.
- McHarg, D. (1969). Hotel Planning. In: Lynih. ed. *Cottage and Resort. Planning and Design*. New York : Oxpord University press.56-57.
- Messac, A. (2000). Matrix Method. *Engineering Design, A systematic Approach*. London : Springer-Verlag
- Michael, L. and Torsten, K. (2003). Global Ecotourism Policies and Case Studies: *Perspective and Constraints*. London : Chanel view publication.
- Neil, R. (1992). *Recreation Planning and Development*. London : Macmillan
- Odum, E. P. (1994). *Dasar-dasar Ekolog*. 2th ed. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Page, J. S. (1995) : *Urban Tourism* . London and New York : Routledge
- Page J. S, and Getz . D (1999). *The Business of Rural Tourism* . London : An International Thamson Publishing Company.

- Pearson and David, G. T. (1992). Design for a Living Planet. *Paper for the International Svedala Symposium on Ecological Design*, 11-14 September, Budapest. ETH. 86-91.
- Pearson and David, G. T. (1994). *The Natural House Book*. London : Gaia Books.
- Peter and Bowen (1998) *Climate Resposive Building*. England : St,Gall.
- Reaves, C. C. (1992). *Quantitative Research for The Behavioral Sciences*. London : John Wiley & sons, inc.
- Reed, R. H. (1953). *Design for Natural Ventilation in Hot Humid Weather*. Texas : Penguin books.
- Richard, and Sharpley, J. (1998) : *Rural Tourism An Introduction* . London :An International Thamson Publishing Company.
- Ringo, C. B. & Anderson, B .R. (1992). *Designing Floor Slabs on Grade. Step-by-Step Procedures, Sample Solutions, and Commentary Addison*. Boston : Aberdeen Group.
- Rosaleen, D. (2002). *Too Far. Ecotourism, Politics, and Exploitation*. London : Easthscan publications ltd.
- Rykwert, J. (1972). *On Adam`s House in Paradise. The Idea of the Primitive Hut in Architectural History*. New York : The Museum of Modern Art.
- Salim, S. (1987). *Rumah Tropis. Seri Anatomi Struktur dan Bangunan*. Jakarta : Air langga.
- Scheyvens ,R. (2000). *Tourism For Development*. London : pearson Education Limeted.

- Scheyvens, R. (2002) : Tourism for Development : *Empowering Communities*.
London : Pearson Education Limited.
- Schwand (1989). Qualitative Methods. In: Cresswell, J. W. ed. Research Design :
Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches. 2th ed. London :
Sage Publications. 23-24.
- Schwanke, D. (1997). Resort Development Handbook. Washington : Urban Land
Institute.
- Schmid, P. (1983) Bio-logis Architektur. 2th ed. Köln-Braunsfeld: Rudolf Müller,
1983.
- Schneider, R. (1981). Natural Building. Stuttgart: Institut für leichten Flächen
tragwerke.
- Shuhana, Shamsuddin (1997) . Identity of Place : *a case study of Kuantan town
centre*. University of Nottingham, Ph.D. Tesis.
- Simonds, J. O. (1985). Landscape Architecture. 2th ed. New York : McGraw-H.
- Silverman, D. (1993). Interpreting Qualitative Data : *Methods for Analyzing Talk,
Tex and Interaction*. London : Sage publication.
- Sujono, M. (1985). Kamus Besar Bahasa Indonesia. 5th ed. Jakarta : Balai pustaka
- Stephen, J. P. and Don .G. (1991) : The Business of Rural Tourism. London : An
International Thamson Publishing Company.
- Stewart. K. (2001). Design Methods Fact Shee. *Weighted Objective Matrix Methods*.
London : Schooll of Engeneering And Advanced Tegnology.

- Soengeng, (1985). Peran, Kesan dan Pesan Bentuk-Bentuk Arsitektur. Jakarta : Djembatan.
- Syamsul, A (1990). Data Arsitek Jilid I . 2th ed. Jakarta : Airlangga.
- Taylor, J., Steven, and Bogdan, R. (1998). Quantitative Research Methods: *A Guide Book and Resource*. London : John Wiley & Sons, Inc.
- Tajuddin, M. and Nangkula, U. (2003). Sejarah, Teori, dan Kritikan Seni Bina. Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia.
- TIES (1998). Definition and Ecotourism Principles. In: Regina, S. ed. *Tourism For Development*. London : Pearson Education Limited. 123-134
- Trancik, R. (1987). Finding Lost Space Theories of Urban Design. New York : Oxford University Press.
- United Nations (WTO) (2003): Report of the Economic and Social Council : *Assessment of The Results Achieved in Realizing Aims and Objectives of The International Year of Ecotourism*. Madrid : IYE.17-21
- User, J. (1996). Research Methods. In: Marsal, C and Robinson, G.B, ed: *Designing Qualitatif Research*. Newbury Park London and Newdehli, Sage Publications. 72-75.
- Vale, Brenda, and Rober. (1996) Green Architecture. : *Design For a Sustainable Future*. London : Thames and Hodson Ltd.
- Walter, G. (1987). Design in Architecture . Köln : Rudolf müler.
- Weaver, D. B. (1998). Ecotourism In The Less Developed World. London : Cab International

Weber, R. P. (1985). *Basic Content Analysis*. Beverly Hills, Calif : Sage Pub.

Wilson, F. (1984). *A graphic Survey of Perception and Behavior for The Design Professions*. New york : Van Nostrand Reinhold.

Worskett (1969). *The Character Of Towns*. London : Architektur Press.

Wright, F. L. (1954). *The Natural House*. New York : New Tork Horison Press.

Wright, F. L. (1957) *Truth Against the World*. New York : A Wiley-interscience publication.

Wright (1993). *Ecotourism, Ethics or Eco-sell*. London : Pearson educations limited.

World Tourism Organitation (2004): *Tourism Highlights Editions 2004*. Madrid : IYE, Facts & Figures

Zucker, W. (1983). *The Image and Imagination of The Architect*. *In Via 6, Architecture and Visual Perception, eds Read and Doo*. Cambridge : MA: MIT Press.

Laman Web

<http://www.ecotourism.org>

<http://www.ecotourism.org.com>

<http://www.indian-wildlife.com>

<http://www.journeymart.com>

<http://www.mocat.org.my>

<http://www.thompsonssa.co.za>

<http://www.tnks.com>

<http://www.wildlife.gov.my>

<http://www.wildlifeafrica.co.za>

<http://www.wildlifeinindia.com>

<http://www.wildlywise.com>